

**PEMETAAN SIMBOL PERGERAKAN TARIAN
MENGHADAP REBAB DARI PERSPEKTIF
ALAM SEMULA JADI DAN ISLAM MELALUI
ALAT PERAKAM GERAK**

NORFARIZAH BINTI MOHD BAKHIR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2020

**PEMETAAN SIMBOL PERGERAKAN TARIAN
MENGHADAP REBAB DARI PERSPEKTIF
ALAM SEMULA JADI DAN ISLAM MELALUI
ALAT PERAKAM GERAK**

oleh

NORFARIZAH BINTI MOHD BAKHIR

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor falsafah**

Julai 2020

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah SWT, kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Ahmad Zuhari Abdul Majid, Prof. Madya Omar Bidin dan Dr. Jasni Dolah selaku para penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah dan staf pentadbiran di Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia yang sudi berkongsi pengalaman sepanjang pengajian ini. Segala pengalaman yang dilalui pasti tidak dapat dilupakan. Terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Sains Malaysia kerana telah menganugerahkan biasiswa bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat ini. Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati, Tuan Haji Mohd Bakhr@Md Khir bin Mohd Ali dan Puan Hajah Bedah binti Abdullah yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan sehingga tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjung dan akan saya ingati sepanjang hayat ini. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL.....	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI DEFINISI	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
ABSTRAK.....	xv
ABSTRACT	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	1
1.3 Latar Belakang Masalah	7
1.4 Pernyataan Masalah.....	9
1.5 Persoalan Kajian.....	9
1.6 Objektif Kajian	10
1.7 Skop dan Batasan Kajian.....	11
1.8 Kerangka Konseptual Kajian.....	13
1.9 Kerangka Teori Kajian	16
1.10 Kepentingan Kajian	17
1.11 Definisi Operasional.....	20
1.12 Rumusan Bab	23
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	24
2.1 Pengenalan.....	24
2.2 Pemeliharaan Warisan	24
2.2.1 Seni Warisan Persembahan	27

2.2.2	Motif Alam dan Agama	28
2.2.3	Gerak Tari Melayu	29
2.2.4	Tarian Menghadap Rebab	32
2.2.5	Revolusi Pemeliharaan Warisan	38
2.3	Teori Persembahan	40
2.3.1	Teori Persembahan Seni.....	41
2.3.2	Teori Symbolisme	45
2.3.3	Teori Kosmologi Islam dalam Seni.....	53
2.4	Penggunaan Teknologi Media Baharu	57
2.4.1	Alat Perakam Gerak (<i>Motion Capture</i>).....	58
2.4.2	Biomekanik	64
2.5	Rumusan Bab	68
BAB 3 METODOLOGI.....		70
3.1	Pengenalan.....	70
3.2	Reka Bentuk Kajian.....	70
3.2.1	Kaedah Pengumpulan Data Primer	73
3.2.2	Reka Bentuk Kajian Kualitatif Deskriptif-Interpretif	75
3.3	Instrumen Kajian	79
3.3.1	Temu bual.....	79
3.3.1	Analisis Data Temu Bual	82
3.3.3	Rakaman Gerak.....	84
3.4	Rumusan Bab	86
BAB 4 ANALISIS KAJIAN		88
4.1	Pengenalan.....	88
4.2	Analisis-analisis Temu bual Pakar	88
4.2.1	Analisis Temu bual Pakar 1	89
4.2.2	Analisis Temu bual Pakar 2	93

4.2.3	Analisis Temu bual Pakar 3	96
4.2.4	Analisis Temu bual Pakar 4	97
4.2.5	Analisis Temu bual Pakar 5	102
4.2.6	Analisis Temu bual Pakar 6	106
4.2.7	Analisis Temu bual Pakar 7	111
4.3	Analisis Data menggunakan Alat Perakam Gerak	114
4.4	Pemetaan 1 – Tangan Sembah Guru	116
4.4.1	Analisis Deskriptif Gerak Pemetaan 1 – Tangan Sembah Guru	117
4.5	Pemetaan 2 – Tangan Sulus Memain Angin.....	118
4.5.1	Analisis Deskriptif Gerak Pemetaan 2 - Tangan Sulus Memain Angin.....	119
4.6	Pemetaan 3 – Tangan Seludang Menolak Mayang	120
4.6.1	Analisis Deskriptif Gerak Pemetaan 3 - Tangan Seludang Menolak Mayang.....	121
4.7	Pemetaan 4 – Tangan Ular Sawa Mengorak Lingkaran	122
4.7.1	Analisis Deskriptif Gerak Pemetaan 4 – Tangan Ular Sawa Mengorak Lingkaran	123
4.8	Pemetaan 5 - Tangan Sirih Layah Dijunjung.....	124
4.8.1	Analisis Deskriptif Gerak Pemetaan 5 - Tangan Sirih Layah Dijunjung.....	125
4.9	Pemetaan 6 - Tangan Denak Menanti Lawan	126
4.9.1	Analisis Deskriptif Gerak Pemetaan 6 - Tangan Denak Menanti Lawan	127
4.10	Pemetaan 7 - Tangan Gajah Lambung Belalai.....	128
4.10.1	Analisis Deskriptif Gerak Pemetaan 7 - Tangan Gajah Lambung Belalai	129
4.11	Pemetaan 8 - Berdiri Tapak Tiga Menghadap Timur Jaga	130

4.11.1 Analisis Deskriptif Gerak Pemetaan 8 - Berdiri Tapak Tiga Menghadap Timur Jaga	131
4.12 Pemetaan 9 - Kirat Penghabisan (Pecah Lakoh Lima).....	132
4.12.1 Analisis Deskriptif Gerak Pemetaan 9 - Kirat Penghabisan (Pecah Lakoh Lima).....	133
4.13 Rumusan Bab.....	133
BAB 5 ANALISIS DATA	137
5.1 Pengenalan.....	137
5.2 Analisis Tarian Menghadap Rebab	139
5.2.1 Permulaan Tarian.....	140
5.2.2 Tangan Sembah Guru	143
5.2.3 Tangan Sulus Bermain Angin.....	145
5.2.4 Tangan Seludang Menolak Mayang	147
5.2.5 Tangan Ular Sawa Mengorak Lingkaran.....	150
5.2.6 Tangan Sirih Kami Layah Dijunjung	153
5.2.7 Tangan Denak Menanti Lawan.....	154
5.2.8 Tangan Gajah Lambung Belalai	156
5.2.9 Berdiri Tapak Tiga Menghadap Timur Jaga.....	157
5.2.10 Khirat Penghabisan (Pecah Lakoh Lima).....	158
5.3 Rumusan Bab	159
BAB 6 RUMUSAN DAN CADANGAN	161
6.1 Pengenalan.....	161
6.2 Rumusan Kajian	161
6.3 Dapatan Kajian	163
6.3.1 Dapatan Kajian 1	163
6.3.2 Dapatan Kajian 2.....	164
6.3.3 Dapatan Kajian 3.....	165
6.4 Sumbangan Terhadap Ilmu Bidang	167

6.4.1	Sumbangan Kajian kepada Pengamal	167
6.4.2	Sumbangan Kajian kepada Penyelidik.....	168
6.4.3	Sumbangan Kajian kepada Masyarakat	168
6.5	Cadangan Lanjutan Kajian	169
6.6	Rumusan Bab	171
RUJUKAN	172

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1	Ringkasan Permasalahan, Persoalan dan Objektif Kajian 11
Jadual 1.2	Ringkasan Skop dan Batasan Kajian Penyelidikan.....13
Jadual 3.1	Pendekatan Kualitatif Deskriptif-Interpretif71
Jadual 3.2	Ringkasan Persoalan Kajian dan Kaedah Kajian72
Jadual 3.3	Senarai Informan Temu Bual Mengikut Pengkhususan Kajian82
Jadual 4.1	Kandungan Protokol Temu bual..... 89
Jadual 4.2	Data Analisis Temu bual Mohamed Najib Ahmad Dawa93
Jadual 4.3	Data Analisis Temu bual Nur Liyana Che Mohammad.....95
Jadual 4.4	Data Analisis Temu bual Che Mat Jusoh.....97
Jadual 4.5	Data Analisis Temu bual A.S. Hardy Shafii.....101
Jadual 4.6	Data Analisis Temu bual Rosnan Rahman.....102
Jadual 4.7	Data Analisis Temu bual Hasnul Jamal Saidon.....111
Jadual 4.8	Data Analisis Temu bual Nur Zaidi Azraai 113
Jadual 5.1	Senarai Pakar dan Kepakaran.....138
Jadual 6.1	Ringkasan Persoalan, Objektif dan Fasa Kajian 1.....163
Jadual 6.2	Ringkasan Persoalan, Objektif dan Fasa Kajian 2.....164
Jadual 6.3	Ringkasan Persoalan, Objektif dan Fasa Kajian 3.....165

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Tarian Menghadap Rebab05
Rajah 1.2	Kerangka Konseptual Kajian.....15
Rajah 1.3	Kerangka Teori Kajian.....17
Rajah 2.1	Enam Karakter Media Baharu.....57
Rajah 2.2	The Horse in Motion by Eadweard Muybridge60
Rajah 2.3	Lukisan Paten Asal Rotoscope Max Fleischer61
Rajah 2.4	Visual Pemetaan Pencak Silat Oleh Nur Zaidi Azraai Yang Mirip dengan Lakaran Kaligrafi63
Rajah 2.5	Motion Capture Drawing-Detail 002 by Susan Morris, 201264
Rajah 3.1	Struktur Penyelidikan Mengikut Fasa Pelaksanaan Kajian.....75
Rajah 3.2	Reka Bentuk Kajian Kajian Deskriptif Interpretif.....77
Rajah 3.3	Fasa Ketiga Kajian Yang Melibatkan Rakaman Pergerakan.....78
Rajah 4.1	Tema dan Kata Kunci Pakar 1.....93
Rajah 4.2	Tema dan Kata Kunci Pakar 2.....95
Rajah 4.3	Tema dan Kata Kunci Pakar 3.....97
Rajah 4.4	Tema dan Kata Kunci Pakar 4.....102
Rajah 4.5	Tema dan Kata Kunci Pakar 5.....106
Rajah 4.6	Tema dan Kata Kunci Pakar 6.....111
Rajah 4.7	Tema dan Kata Kunci Pakar 7.....113
Rajah 4.8	Contoh Antara Muka <i>Cortex Motion Analysis</i>115
Rajah 4.9	Gerakan 1 Tangan Sembah Guru116
Rajah 4.10	Gerakan 1 pada waktu 00:00:50:00.....116
Rajah 4.11	Gerakan 2 Tangan Sulus Memainkan Angin118

Rajah 4.12	Gerakan 2 pada waktu 00:03:36:40.....	118
Rajah 4.13	Gerakan 3 Seludang Menolak Mayang	120
Rajah 4.14	Gerakan 3 pada waktu 00:06:23:20.....	120
Rajah 4.15	Gerakan 4 Tangan Ular Sawa Mengorak Lingkaran	122
Rajah 4.16	Gerakan 4 pada waktu 00:05:50:00.....	122
Rajah 4.17	Gerakan 5 Tangan Sirih Layah Dijunjung	124
Rajah 4.18	Gerakan 5 pada waktu 00:06:40:00.....	124
Rajah 4.19	Gerakan 6 Tangan Denak Menanti Lawan	126
Rajah 4.20	Gerakan 6 pada waktu 00:06:56:40.....	126
Rajah 4.21	Gerakan 7 Tangan Gajah Lambung Belalai	128
Rajah 4.22	Gerakan 7 pada waktu 00:07:13:20.....	128
Rajah 4.23	Gerakan 8 Berdiri Tapak Tiga Menghadap Timur Jaga.....	130
Rajah 4.24	Gerakan 8 pada waktu 00:07:30:00.....	130
Rajah 4.25	Gerakan 9 Kirat Penghabisan (Pecah Lakoh Lima).....	132
Rajah 4.26	Gerakan 9 pada waktu 00:07:46:40.....	132
Rajah 4.27	Turutan Tarian Menghadap Rebab dan Pemetaan Visual	135
Rajah 5.1	Pergerakan Masuk ke Pentas	141
Rajah 5.2	Tarian Menghadap Rebab dalam persembahan Makyung Sindong di Dewan Budaya, USM pada Februari, 2016.....	143
Rajah 5.3	Tangan Sembah Guru.....	144
Rajah 5.4	Tangan Sulur Bermain Angin	146
Rajah 5.5	Pergerakan Tangan Seludang Menolak Mayang yang mempunyai unsur-unsur lengkungan Fibonacci.....	146
Rajah 5.6	Pergerakan Pecah Lakoh Lima.....	149
Rajah 5.7	Pergerakan Sawa Mengorak Lingkaran	151
Rajah 5.8	Lirik lagu Menghadap Rebab	153

Rajah 5.9	Pergerakan Sirih Layah Dijunjung	154
Rajah 5.10	Pergerakan Denak Menanti Lawan	155
Rajah 5.11	Pergerakan Gajah Lambung Belalai	157
Rajah 5.12	Berdiri Tapak Tiga Menghadap Timur Jaga	158
Rajah 5.13	Pergerakan Pecah Lakoh Lima	159

SENARAI DEFINISI

1. Tarian Menghadap Rebab

Tarian Menghadap Rebab adalah persembahan pembukaan wajib bagi persembahan Makyung. Tarian ini berfungsi sebagai penghormatan terhadap rebab yang merupakan elemen penting untuk membangkitkan 'angin' penari/pelakon.

2. Makyung

Makyung merupakan satu tarian Melayu yang merupakan kombinasi dari unsur-unsur tarian, muzik, drama dan komedi yang dipentaskan secara teater keliling.

3. Warisan Tidak Ketara

Warisan tidak nyata adalah ilmu dan kepakaran yang ditafsir melalui tradisi lisan, nilai-nilai adat dan budaya, bahasa dan persuratan. Contoh adalah seperti acara perayaan, ritual & kepercayaan, seni persembahan, seni tampak, seni perubatan tradisional, sukan dan permainan tradisional.

4. Warisan Dan Budaya

Warisan budaya ialah peninggalan artifak fizikal dan ciri tidak ketara sesebuah kelompok atau masyarakat yang diwarisi daripada generasi terdahulu, dikekalkan pada masa kini serta dipelihara untuk generasi akan datang. Warisan-warisan ini termasuk budaya yang tampak ketara (misalnya bangunan, monumen, buku, hasil seni dan artifak), yang tidak ketara (seperti cerita rakyat, tradisi, bahasa, dan pengetahuan), serta warisan semula jadi (termasuk ciri muka bumi dan biodiversiti yang penting).

5. Teknologi Media Baharu

Teknologi Media baharu digunakan untuk menggambarkan kandungan yang disediakan dengan menggunakan pelbagai bentuk komunikasi elektronik yang dicapai melalui penggunaan teknologi komputer. Umumnya, teknologi media baharu membolehkan proses digital atau proses interaktif.

6. Simbolisme

Simbolisme adalah amalan atau seni menggunakan objek atau kata untuk mewakili idea abstrak. Perkara seperti tindakan, orang, tempat, kata, atau objek memiliki makna simbolik atau ekspresi yang tidak kelihatan dan diterjemahkan melalui representasi yang dapat dilihat.

7. Kosmologi Islam

Kosmologi Islam adalah satu cara untuk menjelaskan asal usul, sejarah dan evolusi kosmos atau alam semesta berdasarkan agama Islam yang merangkumi tindakan atau proses penciptaan yang dilakukan oleh Allah SWT.

8. Biomekanik

Biomekanik adalah kajian mengenai struktur, fungsi dan gerakan aspek mekanik sistem biologi, pada tahap apa pun dari keseluruhan organisma hingga organ, sel dan organik sel, menggunakan kaedah mekanik.

9. Alat Perakam Gerak

Alat perakam gerak adalah proses merakam pergerakan objek atau orang. Ini digunakan dalam ketenteraan, hiburan, sukan, aplikasi perubatan, dan untuk pengesahan visi komputer dan robotik.

10. Alam Semua Jadi

Alam digunakan untuk semua perkara yang biasanya tidak dibuat oleh manusia. Perkara seperti cuaca, organisma, bentuk muka bumi, cakerawala dan banyak lagi adalah sebahagian daripada alam semula jadi. Alam semula jadi sering dilihat oleh manusia sebagai sumber semula jadi.

11. Pemetaan

pemetaan adalah satu proses membuat peta, atau proses menggabungkan satu titik dan dipadankan dengan titik yang lain.

12. Arabesque

Arabesque adalah bentuk hiasan artistik yang digunakan di dunia Islam, yang biasanya menggunakan unsur-unsur flora. Hiasan permukaan adalah berdasarkan corak linear, berirama dan bertaut dan sering digabungkan dengan unsur-unsur lain

13. Glorification of Nature

Pemuliaan alam atau *glorification of nature* adalah satu pergerakan di abad ke-18 yang memberi penekanan kepada emosi dan imaginasi yang menghargai kebebasan, ekspresi individu dan sesuatu yang tidak rasional.

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A: SURAT AKUAN TEMUBUAL

LAMPIRAN B: SURAT KEBENARAN PESERTA KAJIAN - 1

LAMPIRAN C: SURAT KEBENARAN PESERTA KAJIAN - 2

LAMPIRAN D: SURAT KEBENARAN PESERTA KAJIAN - 3

LAMPIRAN E: SURAT KEBENARAN PESERTA KAJIAN - 4

LAMPIRAN F: SURAT KEBENARAN PESERTA KAJIAN - 5

**PEMETAAN SIMBOL PERGERAKAN TARIAN MENGHADAP REBAB
DARI PERSPEKTIF ALAM SEMULA JADI DAN ISLAM MELALUI ALAT
PERAKAM GERAK**

ABSTRAK

Tarian Menghadap Rebab merupakan tarian pembukaan yang wajib dilakukan untuk sebuah persembahan Makyung. Kehalusan dalam persembahan tarian Menghadap Rebab dapat dilihat dan dihayati secara visual. Akan tetapi tiada data yang melihat simbol dan corak dalam pergerakan tarian ini serta melihat pentafsiran dari segi falsafah alam semula jadi dan Arabesque. Tarian Menghadap Rebab secara makro dilihat mempunyai persamaan dengan unsur-unsur alam semula jadi berdasarkan lirik lagu dan pergerakan tarian. Penggunaan simbolisme dalam tarian Menghadap Rebab menunjukkan terdapat kaitan yang penting dengan alam semula jadi dan berkait rapat dengan unsur-unsur kepercayaan lama, seperti animisme, pengaruh Hindu dan Buddha serta agama Islam. Objektif kajian ini adalah untuk melihat pergerakan tarian Menghadap Rebab secara mikro yang dipetakan dengan menggunakan alat perakam gerak. Apabila pergerakan tarian dilakukan, simbol akan dijana. Setiap pergerakan ini akan dianalisis bagi melihat hubungan persamaan yang dihasilkan dengan falsafah alam semula jadi dan agama berpandukan garisan yang dipetakan melalui alat perakam gerak. Penggunaan teknik rakaman gerak akan memudahkan proses mendapatkan kesahihan simbol dan makna dalam tarian yang diperolehi daripada pemetaan tersebut. Kajian ini dibantu dengan penggunaan analisis kandungan deskriptif dan analisis tema bagi melihat dan memahami makna dalam persembahan tarian Menghadap Rebab. Penggunaan teori biomekanik, teori seni dan teori simbolisme akan memperkukuhkan analisis pergerakan tarian ini. Kajian ini adalah penting untuk menjadi rujukan bersifat saintifik untuk memahami persembahan warisan tarian Menghadap Rebab, serta dapat

memperkasakan praktis seni media baharu terhadap seni budaya dengan menggunakan alat perakam gerak. Penyampaian melalui teknik ini akan memberikan satu impak yang positif kepada masyarakat kerana teknologi alat perakam gerak dapat berinteraksi secara langsung dengan memberikan peluang kepada penyelidik untuk melihat pergerakan tarian melalui elemen media baharu. Penggunaan kaedah ini akan dapat memberikan nafas baharu dalam memelihara warisan tempatan.

**SYMBOL MAPPING OF THE MENGHADAP REBAB DANCE FROM THE
PERSPECTIVE OF NATURE AND ISLAM USING THE MOTION
CAPTURE DEVICE**

ABSTRACT

Menghadap Rebab is an opening dance as is traditionally done in Makyung performance. The subtlety in the Menghadap Rebab dance performance can be seen and appreciated visually. But there are no data that looks at the symbols, patterns and interpretations in terms of nature and Arabesque philosophy. The dance, seen at the macro level has similarities with elements of nature-based on song lyrics and dance movements. The use of symbolism in Menghadap Rebab dance showed that there is an interconnected link with nature where the meaning and symbols of the dance movements are associated with the old beliefs such as Animism, the influence of Hinduism and Buddhism and Islam. The objective of this study is to see the movement of the Menghadap Rebab dance on a micro level that is mapped using a motion capture device. When the dance movements are performed, the symbols will be generated, and each of these movements that are captured will be analyzed to see the relationship between nature and Islam. Through the use of the motion capture devices, it allowed to be mapped the dance movements and accurately comprehended the concepts, elements of the physical movement and symbolism found in Menghadap Rebab dance. This research is assisted by the use of descriptive content analysis and thematic analysis to perceive and understand the meaning of symbols generated by the performance. The use of biomechanical theory, art theory and symbolism theory will support the analysis of this dance movement. The technological use of the motion capture was seen as a vital medium of integrating art and sciences, as well as to strengthen and to breathe new life into the preservation of local heritage.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan tentang keseluruhan kajian yang akan dilakukan dan akan dihuraikan dalam beberapa topik dan subtopik yang berkaitan. Antara topik yang akan dibincangkan termasuklah berkenaan latar belakang kajian yang akan menerangkan tentang tarian Menghadap Rebab dan hubungan makna pergerakannya dalam seni Islam dan alam semula jadi. Topik seterusnya ialah berkenaan pernyataan masalah dan objektif kajian. Berdasarkan topik ini persoalan akan memperincikan isu-isu yang berkaitan Menghadap Rebab dan objektif yang akan dicapai dalam kajian ini. Persoalan dan kepentingan kajian akan membincangkan hasil yang akan memenuhi keperluan dan kehendak kumpulan sasaran. Sempadan kajian perlu dilaraskan dalam skop dan pembatasan kajian bagi mendapatkan hasil kajian yang dinilai dengan lebih terperinci dan ingin di capai dalam kajian ini. Manakala topik kaedah penyelidikan pula akan melihat dan menganalisis data yang dikumpulkan dalam kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Masyarakat Malaysia kaya dengan warisan tradisi yang masih wujud, dipelihara, dipulihara, bahkan diamalkan sebagai satu khazanah yang terus mekar dan segar sehingga hari ini. Budaya tradisional mencakupi amalan dan cara hidup yang pelbagai kaum di negara kita. Menurut Nur Fadhilah Ahmad Khairi, (2009) kebudayaan ini disatukan menjadi satu budaya yang unik kerana hampir setiap keturunan mempunyai adat tersendiri sehingga membentuk kebudayaan masing-masing. Salah satu budaya yang perlu dipelihara ialah tarian Menghadap Rebab dalam

persembahan Makyung. Seni persembahan tradisi lama tidak lekang dengan unsur-unsur simbolik yang diambil dari alam semula jadi. Unsur *glorification of nature* atau pemuliaan alam adalah satu pergerakan di abad ke-18 yang memberi penekanan kepada emosi dan imaginasi yang menghargai kebebasan, ekspresi individu dan sesuatu yang tidak rasional. Pergerakan ini diamalkan dalam persembahan tarian tradisi yang menggambarkan ekspresi individu dan alam. Manakala, unsur *Arabesque* pula menggambarkan bentuk hiasan artistik yang digunakan di dunia Islam, yang biasanya menggunakan unsur-unsur flora. Hiasan permukaan adalah berdasarkan corak linear, berirama, bertaut, melentik dan melengkung serta sering digabungkan dengan unsur-unsur lain. *Arabesques* adalah elemen asas dalam seni Islam yang telah lama dikembangkan dengan kedatangan Islam serata dunia. Istilah *Arabesque* telah digunakan secara konsisten sebagai istilah teknikal oleh ahli sejarah seni untuk menggambarkan unsur-unsur hiasan yang terdapat dalam seni Islam dari sekitar abad ke-9 dan seni hiasan Eropah dari zaman Renaissance. Dalam persembahan tarian tradisi, terutamanya dalam tarian Menghadap Rebab, terdapat unsur-unsur *Arabesque* dan *glorification of nature* (Yousof, 2015).

Tarian Menghadap Rebab adalah sinonim dengan persembahan Makyung atau Mak Hiang yang merupakan satu persembahan tarian teater tradisional Melayu yang mengandungi tarian, cerita, dialog, dan muzik banyak dipersembahkan atau dimainkan di negeri Kelantan, Malaysia. Ia bukan sahaja satu persembahan semata-mata tetapi juga dikatakan sebagai medium penyembuhan rohani kepada pemain dan juga penonton Makyung. Menurut Yousof, G-S (1976, ms:35), terdapat beberapa bukti bermulanya Makyung yang didapati melalui perbualan dan rekod bertulis sebelum tahun 1878, antara 1878 hingga 1926 tahun Ayer Bah Merah; tahun yang dikatakan

bermulanya penubuhan teater Makyung yang pertama, antara tahun 1926 dan penubuhan Kumpulan Seri Temenggung di Kelantan pada tahun 1979, dan zaman selepas tahun 1970. Bukti yang didapati oleh Yousof, G-S, kebanyakannya tertumpu di kawasan pantai timur Malaysia, seperti Kelantan dan Terengganu. Patani juga tergolong dalam penemuan beliau mengenai asalnya Makyung. Makyung merupakan persembahan tarian yang mengandungi beberapa penceritaan bertujuan untuk penghiburan raja dan juga rakyat dan berkaitan dengan amalan perubatan tradisional. Menurut G.S.Yusoff (1976), persembahan Makyung banyak dilakukan untuk perubatan atau semah angin. Pemujaan dewa-dewa banyak dilakukan dari permulaan persembahan sampai tamat persembahan seperti sembah guru, tarian Menghadap Rebab dan Main Puteri.

Makyung juga merupakan salah satu seni persembahan tradisional kebudayaan Melayu yang mengandungi seni gerak, seni suara dan seni tampak. Ia mempunyai elemen ritual, muzik, lagu, jalan cerita, dialog, penambahbaikan bahasa, dan lakonan (Yusoff G.S., 1976). Beberapa pengkaji terdahulu (Yusoff, G. S., 1976; A.S Hardy, S., 2015) mempunyai perbezaan pendapat mengenai asal usul seni tradisional Melayu ini. Di Malaysia, seni Melayu tradisi ini masih aktif di negeri pantai timur semenanjung, Kelantan. Ia juga masih dimainkan di beberapa negeri di dalam dan di luar Malaysia seperti Kedah, Thailand dan juga Indonesia. Penceritaan dalam Makyung dikatakan dipinjam daripada seni tari Menora, Siam dan juga wayang kulit.

Makyung diiringi oleh peralatan muzik utama iaitu rebab, gendang dan tetawak. Gong, serunai dan canang digunakan sebagai alat muzik tambahan. Pemain rebab dikatakan sebagai ketua di dalam kumpulan Makyung yang mencorak pergerakan dan lagu dalam seni persembahan Melayu tradisional ini (Yusoff G. S.,

1976). Pernyataan ini dikuatkan lagi dengan wujudnya ‘sesi’ tarian Menghadap Rebab, iaitu para penari yang diketuai oleh Pak Yong menari menghadap pemain Rebab sebagai penghormatan dan pemberitahuan kepada audiens mengenai bermulanya penceritaan Makyung. Dalam seni tari Menghadap Rebab, penari bergerak dengan perlahan tetapi penuh dengan gerakan yang kompleks berbanding gerak tari lain dalam Makyung. Pergerakan halus dan lemah gemalai dalam tarian Menghadap Rebab mengandungi keseluruhan gerak tari Makyung, iaitu ibu tari, khirat dan tapak (Yousof G.S., 1982). Hal ini menunjukkan betapa pentingnya tarian Menghadap Rebab dalam seni persembahan Makyung. Pergerakan tari dalam tarian Menghadap Rebab ini mengandungi simbol ritual yang berasaskan alam semula jadi flora dan fauna dimulai dengan:

1. Tangan Sembah Guru



5. Tangan Seludang menolak Mayang



2. Tangan Gajah Lambung Belalai



6. Tangan Sulur Bermain Angin



3. Tangan Burung Terbang



7. Tangan Liuk ke Kiri Longlai ke Kanan



4. Tangan Ular
Sawa
Mengorak
Lingkaran



8. Khirat
Penghabisan



Rajah 1.1 : Tarian Menghadap Rebab.

(Rujukan: www.kkmm.gov.my/pdf/buku/makyung.pdf)

Pergerakan-pergerakan dan penceritaan dalam tarian Makyung dikaitkan dengan Hindu-Jawa kerana kandungan cerita dan beberapa simbol dalam tarian Makyung (Yusof, G. S., 1976). Setelah kedatangan Islam di Nusantara, pergerakan dalam tarian Makyung termasuk tarian Menghadap Rebab dikatakan diislamisasikan oleh para ulama dalam menyemai ajaran Islam melalui seni persembahan Melayu tradisional ini. Yusof, G. S. (1976, ms. 59) menyatakan adanya pengaruh Sufisme yang menjadi faktor utama dalam penyebaran Islam di Nusantara termasuk Semenanjung Malaysia.

Kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan gerakan yang mempunyai makna dalam Islam dan dibandingkan dengan gerakan bersifat alam semula jadi dalam tarian Menghadap Rebab berpandukan garisan yang dipetakan melalui alat perakam gerak. Alat perakam gerak berdasarkan kajian terdahulu, berkeupayaan untuk melakukan pemetaan terhadap pergerakan dalam seni persembahan. Seni Warisan Melayu kaya dengan unsur konotasi dan denotasi, justeru itu penggunaan alat perakam gerak ini sesuai untuk melihat hubungan persamaan secara visual dan falsafah agama dan budaya dalam tarian Menghadap Rebab dalam persembahan Makyung dengan menggunakan alat perakam gerak ini.

Gerakan tarian Menghadap Rebab ini akan dipetakan dengan menggunakan kaedah rakaman gerak atau *motion capture*. Aplikasi alat perakam gerak jenis *Cortex Motion Analysis* akan digunakan sebagai instrumen utama kajian ini. Pergerakan kategori tindakan tarian Menghadap Rebab ini akan dianalisis bagi mendapat simbol dan makna dalam ayunan tangan dalam tarian ini.

Penggunaan alat perakam gerak dalam animasi digital merupakan perkara yang baharu. Ia bermula pada akhir 1970-an dan kini penggunaannya adalah sangat meluas dalam pelbagai aspek hiburan ataupun penyelidikan. Perakam gerak ialah rakaman pergerakan badan manusia yang terperinci dan maklumat yang dirakam boleh merangkumi pergerakan otot-otot muka dan badan, serta merakam pergerakan pola tangan dan jari manusia. Sebelum alat perakan gerak dicipta, teknik *rotoscoping* digunakan untuk meniru pergerakan manusia. Teknik ini mula digunakan dalam filem animasi *Snow White and the Seven Dwarfs* (1937). Studio *Disney* telah melakar animasi pergerakan karakter manusia dengan menepak ke atas lembaran filem yang mempunyai aksi-aksi pelakon (Sturman, 1999).

Merakam dan menganalisis pergerakan manusia secara automatik ialah satu bidang penyelidikan yang popular. Bidang ini berpotensi untuk melihat dari perspektif visual komputer yang dapat memberi penyelesaian dalam merakam pergerakan yang kompleks dengan tepat. Penggunaan alat perakam gerak juga memberikan kebebasan kepada subjek untuk bergerak secara bebas tanpa batasan. Proses rakaman ini terbahagi kepada tiga kategori, iaitu pengawasan, kawalan dan analisis (Moeslund, 2011). Menurut sejarah perkembangan alat perakam gerak, *visual action recognition* dibahagikan kepada subtopik seperti mengenal pasti isyarat (*gesture recognition*) antara muka manusia-komputer (Erol 2007; Pavlovic 1997) dan mengenal pasti

tindakan (*action recognition*), iaitu satu proses yang menggunakan pemerhatian deria. Kategori tindakan yang jelas adalah seperti menendang, menumbuk, atau melambai. (Weinland, 2011).

Kajian yang dijalankan ini cuba untuk menyediakan satu platform untuk membantu memelihara tradisi kesenian tradisional Melayu yang makin dilupakan. Aplikasi ini akan digunakan dalam mendokumenkan dan mengkaji secara saintifik berpandukan garisan yang dipetakan melalui alat perakam gerak tarian Menghadap Rebab dan perbandingannya dengan gerakan bersifat alam semula jadi. Pelbagai manfaat yang boleh diperolehi melalui kajian yang dijalankan ini, antaranya adalah; pemetaan digital tarian ini dapat memelihara dan memulihara dengan membuat reproduksi digital warisan tidak ketara ini. Ia juga dapat direkonstruksi semula menggunakan pelbagai teknik digital bagi tujuan pemuliharaan. Penyelidikan juga merupakan salah satu perkara berfaedah dalam pendigitalan pemetaan tarian Menghadap Rebab. Penyelidik dapat mengakses data dan dapat membuat kajian dalam konteks baharu.

Pendigitalan bahan warisan dilihat dapat memelihara dan memulihara warisan dan mampu mengekalkan tradisi nenek moyang kita ini untuk masa hadapan. Penggunaan teknologi dapat melestarikan warisan tarian Menghadap Rebab dalam konteks penyelidikan dan informasi untuk pelbagai pihak.

1.3 Latar Belakang Masalah

Di dalam buku *Panggung Semar: The Aspects of Traditional Malay Theatre* (2015), Yousof, G. S. menyatakan terdapat dua bahagian dalam tarian Menghadap Rebab; pergerakan pertama *Arabesque movement* dan pergerakan kedua *Glorification*

of Nature (Chapter 1). Di sini dinyatakan oleh beliau bahawa sebab dan hubungan antara kedua-dua bahagian ini berlaku tidak jelas. Walaupun penulisannya banyak mengaitkan seni persembahan Melayu tradisi ini dengan budaya atau agama Hindu, pergerakan tarian Menghadap Rebab mengurangkan keyakinan akan perkaitan Makyung dengan Hindu-Jawa, Buddhism ataupun Animisme di Nusantara atau Malaysia pada masa ini (Yousof, G. S., 1976; 1982; 2015).

Dari sudut simbolisme hal ini menunjukkan terdapat ciri-ciri simbol atau perlambangan dalam tari tersebut. Dari sudut teori simbolisme S.K. Langer (1967), beliau menyatakan bahawa simbol terbahagi kepada dua, iaitu diskursif dan presentasional. Diskursif bermaksud terancang manakala *presentational* pula tidak terancang. Elemen-elemen yang terkait dengan hubungan alam dan *Arabesque* seperti yang disebut oleh Ghulam (2015) tidak dapat dilihat dengan jelas seperti di manakah terbentuknya reka bentuk *Arabesque* dalam tari Menghadap Rebab?

Penggunaan teknologi dalam pendigitalan warisan seperti persembahan tarian Menghadap Rebab dapat menimbulkan pelbagai makna atau perspektif kerana keunikan tafsiran yang subjektif. Tafsiran warisan sangat bergantung pada literasi, subjektiviti dan kedudukan budaya individu (McCullough, 2004). Penggunaan teknik pemetaan alat perakam gerak dapat melihat pelbagai perspektif dari sudut yang berbeza. Data yang didapati akan menzahirkan pelbagai corak yang akan dianalisis, yang kemudiannya dapat memberikan pemahaman yang lebih luas mengenai warisan budaya kepada generasi baharu (Tamaro 2016).

1.4 Pernyataan Masalah

Berdasarkan kajian literatur terdapat beberapa permasalahan kajian yang dikenal pasti:

- i. Pemeliharaan budaya dan warisan telah diakui sebagai perkara utama dalam pemuliharaan. Kurangnya data digital bersifat saintifik dalam melihat persembahan tradisional seperti pergerakan tarian Menghadap Rebab perlu diatasi.
- ii. Kehalusan dalam persembahan warisan tarian Menghadap Rebab dapat dilihat dan dihayati secara visual. Akan tetapi tiada data yang melihat petunjuk dan corak dalam pergerakan tarian ini serta melihat pentafsiran dari segi falsafah alam semula jadi dan *Arabesque*.
- iii. Dalam memastikan warisan persembahan tarian Menghadap Rebab tidak pupus ditelan zaman, pemahaman yang komprehensif dan analisis data secara visual dapat melihat hubungan antara falsafah dengan budaya. Dengan data yang didapati ini, maklumat dapat dikongsi bersama.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini akan menjawab persoalan kajian seperti berikut:

- i. Apakah medium yang sesuai dalam melihat corak pergerakan tarian Menghadap Rebab?
- ii. Apakah corak yang dihasilkan semasa pergerakan tarian ini dilakukan?

- iii. Bagaimanakah corak tarian ini akan dilihat dan dihubungkan melalui visual dan falsafah unsur-unsur alam semula jadi dan *Arabasque*?

1.6 Objektif Kajian

Khususnya, kajian ini dijalankan adalah untuk memenuhi objektif seperti berikut:

- i. Memetakan pergerakan tarian Menghadap Rebab
- ii. Mengenal pasti corak dalam pergerakan tarian Menghadap Rebab dan melihat unsur-unsur falsafah alam semula jadi dan *Arabasque*
- iii. Menganalisis hasil pemetaan tarian dan melihat hubungan antara visual dengan falsafah

Pernyataan masalah, persoalan dan objektif kajian telah dihuraikan secara ringkas dalam Jadual 1.1.

Pernyataan Masalah	Persoalan Kajian	Objektif Kajian
<ul style="list-style-type: none"> • Kurangnya data digital bersifat saintifik dalam melihat persembahan tradisional seperti pergerakan tarian Menghadap Rebab 	<ul style="list-style-type: none"> • Apakah medium yang sesuai dalam melihat corak pergerakan tarian Menghadap Rebab? 	<ul style="list-style-type: none"> • Memetakan pergerakan tarian Menghadap Rebab dengan menggunakan alat perakam gerak
<ul style="list-style-type: none"> • Tiada data yang melihat petunjuk dan corak dalam pergerakan tarian ini serta melihat pentafsiran dari segi falsafah alam semula jadi dan <i>Arabasque</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Apakah corak yang dihasilkan semasa pergerakan tarian ini dilakukan? 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti corak dalam pergerakan tarian Menghadap Rebab dan melihat unsur-unsur falsafah alam semula jadi dan <i>Arabasque</i>

<ul style="list-style-type: none"> • Pemahaman yang komprehensif dan analisis data secara visual dapat melihat hubungan antara falsafah dengan budaya. Dengan data yang didapati ini, informasi dapat dikongsi bersama 	<ul style="list-style-type: none"> • Bagaimanakah corak ini akan dilihat dan dihubungkan melalui visual dan falsafah unsur-unsur alam semula jadi dan <i>Arabesque</i>? 	<ul style="list-style-type: none"> • Menganalisis hasil pemetaan tarian dan melihat hubungan antara visual dengan falsafah
---	--	---

Jadual 1.1 Ringkasan Permasalahan, Persoalan dan Objektif Kajian

1.7 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini bertumpu pada pergerakan tarian Menghadap Rebab dalam persembahan Makyung sahaja. Dalam pergerakan tarian Menghadap Rebab ayunan tangan yang membentuk simbol akan dianalisis. Analisis visual simbol yang dipetakan melalui alat perakam gerak, tertumpu pada pandangan depan, tepi kiri dan kanan. Penggunaan teknik rakaman gerak atau *motion capture* akan memudahkan proses mendapatkan kesahihan simbol dan makna dalam ayunan tangan yang diperoleh daripada pemetaan tersebut.

Lokasi kajian adalah di Pulau Pinang kerana negeri ini merupakan tapak warisan dunia UNESCO. Pemilihan lokasi dibuat kerana terdapat pengamal Makyung yang masih bergiat aktif di negeri ini.

Dari aspek subjek kajian pula, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif, interpretif yang menggunakan pendekatan antropologi, iaitu pemerhatian dalam penyelidikan. Menurut Manuel dan Medel (1998), penyelidikan deskriptif melibatkan penerangan, rakaman, analisis, dan tafsiran sifat, komposisi atau proses fenomena sekarang. Pemerhatian akan melibatkan penggunaan alat perakam gerak dalam memetakan corak tarian Menghadap Rebab. Seorang pengamal Makyung yang

telah dikenal pasti akan dipakaikan dengan sut alat perakam gerak dengan penanda reflektor yang dilekatkan pada bahagian-bahagian penting pada badan. Data pergerakan tarian yang dirakam semasa proses rakaman gerak akan dikenal pasti dan dianalisis dengan menggunakan kaedah biomekanik (Shan, 2010).

Kajian ini juga akan menyasarkan golongan pengamal Makyung dan ahli akademik dalam proses temu bual. Pensampelan jenis *convenience sampling* atau juga dikenali sebagai ketersediaan pensampelan akan digunakan untuk temu bual. Pensampelan ini ialah jenis kaedah pensampelan bukan kebarangkalian yang bergantung pada pengumpulan data daripada pakar-pakar dalam bidang tertentu yang telah dikenal pasti.

Data daripada temu bual akan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik yang akan mengenal pasti, menganalisis, dan melaporkan pola (tema) dalam data. Ia mengatur dan menerangkan secara minimum set data dengan terperinci. Ia juga boleh mentafsir pelbagai aspek topik penyelidikan dengan mendalam (Boyatzis, 1998). Tema yang akan dilihat ialah simbol, budaya Melayu, kosmologi Islam dan kesenian Islam, dan persembahan Makyung. Berdasarkan tema yang diperolehi, satu laporan dapat dihasilkan yang akan merumuskan temu bual pakar dalam satu bentuk yang ringkas, koheren, logik, tidak berulang dan menarik. Berpandukan keperluan kajian, berikut ialah senarai ringkasan skop dan batasan yang telah ditetapkan dalam kajian ini.

Profil	Lokasi
<ul style="list-style-type: none"> • Pengamal Makyung • Ahli akademik dalam <ol style="list-style-type: none"> a. Warisan Budaya b. Persembahan tradisional c. Kosmologi Islam d. Symbolisme e. Teknologi 	<ol style="list-style-type: none"> f. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang g. ASWARA h. Balai Seni Negara i. Istana Budaya
Skop Kajian	
<ol style="list-style-type: none"> j. Pergerakan tarian Menghadap Rebab sahaja 	
Model Rujukan Kajian	
<ol style="list-style-type: none"> k. Kualitatif deskriptif – pemerhatian dalam rakaman tarian Menghadap Rebab dengan menggunakan alat perakam gerak l. Analisis rakaman akan menggunakan kaedah biomekanik m. Kaedah temu bual yang menggunakan pensampelan jenis <i>convenience sampling</i> n. Data daripada temu bual akan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik 	


Jadual 1.2 : Ringkasan Skop dan Batasan Kajian Penyelidikan

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini akan melibatkan tiga fasa pelaksanaan. Pertama, adalah kajian awal yang melibatkan pengumpulan data sekunder bagi menguatkan lagi kajian literasi. Kaedah temu bual juga dilakukan bagi mendalami subjek yang dikaji. Temu bual akan dijalankan dengan pakar-pakar yang terpilih dalam bahagian masing-masing mengikut pensampelan jenis *convenience sampling*. Manakala transkrip temu bual akan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Fasa seterusnya ialah fasa rakaman tarian Menghadap Rebab dengan menggunakan alat perakam gerak. Fasa ini adalah

penting bagi melihat corak yang dijana dalam tarian ini. Fasa terakhir melibatkan analisis visual dalam mengaitkan hubungan falsafah alam semula jadi dan *Arabesque*.


Kajian ini akan menekankan analisis daripada corak yang dijana melalui pemetaan tarian Menghadap Rebab dengan menggunakan alat perakam gerak. Analisis ini akan menggunakan kerangka teori seni oleh Gongbin Shan dan Peter Visentin (2010). Analisis berteraskan teori biomekanik ini akan melihat dan menjelaskan simbol dan makna yang diperolehi daripada alat perakam gerak ini. Simbol ini kemudiannya akan dipadankan dengan falsafah alam semula jadi dan *Arabesque*. Pola yang dilihat akan menunjukkan hubungan rapat masyarakat dahulu dengan unsur-unsur sekeliling. Kerangka konseptual bagi kajian ini telah diuraikan secara ringkas dalam Rajah 1.2.



Rajah 1.2 : Kerangka Konseptual Kajian

1.9 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori adalah penting kerana membolehkan pembaca mengkonseptualisasikan kajian dalam konteks yang lebih luas dalam bidang pengetahuan. Oleh itu, kerangka teori harus memasukkan semua komponen pengetahuan yang diperlukan. Tujuan keseluruhannya adalah untuk menjadikan penemuan penyelidikan lebih bermakna, dan dapat diterima dalam bidang penyelidikan. Tarian Menghadap Rebab merupakan seni persembahan dalam Makyung yang mempunyai unsur-unsur alam semula jadi dan kosmologi Islam. Gerak tari yang dihasilkan mempunyai makna dan simbol yang perlu diterjemahkan untuk memahami secara mendalam tentang tarian ini. Pemilihan teori mengikut kesesuaian dalam menterjemahkan makna dan simbol dalam tarian. Teori yang dipilih ialah teori seni dalam persembahan seni, teori simbolisme dan aspek kosmologi Islam dalam seni, serta teori biomekanik. Kajian ini dibantu dengan penggunaan analisis kandungan deskriptif dan analisis tema bagi melihat dan memahami makna dalam persembahan tarian Menghadap Rebab.



Rajah 1.3 : Kerangka Teori Kajian

1.10 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini adalah penting untuk:

- i. Menjelaskan hubungan falsafah agama (*Arabesque*) dan falsafah budaya (*glorification of nature*). Kajian ini adalah penting untuk menjadi rujukan bersifat saintifik untuk memahami persembahan warisan tarian Menghadap Rebab dalam persembahan Makyung. Simbol dalam pergerakan tarian ini wajar diberi tumpuan kerana mempunyai perkaitan agama dan budaya. Tiada pendekatan saintifik

digunakan dalam menterjemahkan pergerakan tarian Menghadap Rebab sebelum ini. Menggunakan teknologi pemetaan dengan menggunakan alat perakam gerak akan dapat menganalisis dan meneliti simbol dan makna pergerakan tarian ini dengan lebih sempurna.

- ii. Memperkasakan praktis seni media baharu terhadap seni budaya dengan menggunakan alat perakam gerak. Warisan budaya merupakan satu khazanah yang tiada tolak bandingnya dan perlu dipelihara dan diwarisi daripada generasi yang lalu dan dikekalkan untuk generasi akan datang. Media baharu pula merupakan satu mode ekspresi baharu yang menggabungkan pelbagai bentuk teknologi, kemahiran dan proses dalam bentuk digital dan boleh di manipulasi, berangkaian, padat, mampat, dan berunsur interaktif. Dalam persembahan media baharu, ia sering kali melibatkan interaksi antara bahan yang dipamerkan dengan penonton dan mampu menawarkan pelbagai penyelesaian yang sangat besar dalam peningkatan dan pengayaan pengalaman warisan dan tafsiran. Penggunaan teknologi media baharu akan membuatkan subjek warisan yang dikaji akan lebih diketahui dan teknologi mudah didekati. Pemeliharaan budaya yang dilakukan pada hari ini adalah lebih menjurus pada pengukuhan budaya dalam memahami inti pati budaya itu sendiri. Pemahaman tentang budaya itu sendiri penting untuk kelangsungan kesinambungan budaya supaya budaya itu tidak hilang ditelan zaman (Ismail Zain 1989).
- iii. Menyumbangkan sumber ilmiah terhadap pergerakan tarian Menghadap Rebab dalam persembahan Makyung dan seni media

baharu. Teknologi media baharu menawarkan pelbagai penyelesaian yang sangat besar bagi peningkatan dan pengayaan pengalaman warisan dan tafsiran. Persoalannya ialah bagaimanakah untuk menjadikan penggunaan daripada media baharu yang terbaik dengan cara mengekalkan integriti artifak warisan dan teknologi? Media baharu ialah satu genre yang merangkumi karya seni yang dicipta dengan teknologi media baharu, termasuk seni digital, grafik komputer, animasi komputer, interaktif, permainan video, robotik, percetakan 3D, *holografi*, *virtual reality*, *augmented reality* dan pelbagai lagi. Dalam persembahan media baharu sering kali melibatkan interaksi antara bahan yang dipamerkan dengan audiens. Lev Manovich (2001) menyatakan bahawa teknologi media baharu bukanlah sesuatu yang mutlak, akan tetapi sebagai satu kecenderungan baharu dalam dunia digital. Hasilan produk daripada penggunaan teknologi media baharu juga bukanlah sesuatu yang tetap dan tidak boleh diubah, tetapi sesuatu yang boleh diwujudkan dalam pelbagai versi yang berbeza. Tidak seperti media lama yang lebih bersifat linear, media baharu tidak mengikat struktur medium dan kandungan (*content*) bersama-sama (Malpas, 2008). Salah satu contoh kepelbagaian adalah pada unsur-unsur interaktif yang membolehkan pengguna untuk mengambil laluan yang berbeza dalam mengakses kandungan yang berbeza.

- iv. Mengukuhkan perkaitan antara sains, seni, dan teknologi dalam warisan. Penting dalam konteks memelihara budaya, pemeliharaan perlu dilihat lebih banyak pada mengukuhkan budaya dan tradisi itu

sendiri. Teknologi harus dilihat bukan sebagai satu ancaman, tetapi satu kelebihan dalam pemeliharaan. Kajian yang dilakukan adalah untuk memahami budaya supaya tidak hilang sifatnya semasa proses terjemahan kepada teknologi media baharu. Berdasarkan maklum balas daripada responden, lebih daripada separuh bersetuju bahawa teknologi media baharu ialah kaedah yang sesuai dalam memelihara warisan, malah dapat mendekatkan lagi generasi sekarang dengan tradisi budaya kita. Amalan media baharu dapat memberikan impak yang besar terhadap generasi muda dan boleh mengubah persepsi terhadap persembahan tradisional.

1.11 Definisi Operasional

Bahagian ini akan menyentuh beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Definisi operasional ini akan menjadi rujukan dan membantu dalam memahami istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini.

i. Warisan dan Budaya

Warisan dan budaya di Malaysia dibahagikan kepada dua iaitu, warisan ketara dan tidak ketara. Kajian ini akan memberikan tumpuan pada warisan tidak ketara yang meliputi ilmu dan kepakaran yang di tafsir melalui tradisi lisan, nilai-nilai adat dan budaya, bahasa dan persuratan (Ministry of Communications and Multimedia Malaysia). Kajian ini akan menumpukan pergerakan tarian Menghadap Rebab dalam persembahan Makyung.

ii. Tarian Menghadap Rebab

Makyung merupakan persembahan warisan yang melibatkan elemen ritual, gerak tari, nyanyian, muzik dan teater (Ghulam-Sawar Yousof, 1976). Persembahan Makyung wajib dibuka dengan tarian Menghadap Rebab. Tarian ini menurut Fernando (1996), dimulakan dengan lagu Gerak Bangun, yang bererti untuk bergerak, dan bangun bermaksud untuk membangkitkan atau bangun. Tarian Menghadap Rebab berfungsi sebagai penghormatan terhadap rebab yang berfungsi membangkitkan ‘angin’ para penari/pelakon (J. S. Fernando, 1996, p276). Pergerakan tarian ini meliputi sembilan pergerakan utama iaitu:

- i. Tangan sembah guru
- ii. Tangan sulur memainkan angin
- iii. Tangan seludang menolak mayang
- iv. Tangan ular sawa mengorak lingkaran
- v. Tangan sirih kami layah dijunjung
- vi. Tangan denak menanti lawan
- vii. Tangan gajah lambung belalai
- viii. Berdiri tapak tiga menghadap timur jaga
- ix. Kirat penghabisan (pecah lakoh lima)

iii. Media Baharu (Teknologi)

Media baharu adalah bentuk media yang bersifat komputasi dan bergantung pada komputer untuk pengagihan semula. Beberapa contoh media baharu ialah animasi komputer, permainan komputer, antara muka komputer-

manusia, pemasangan komputer interaktif, laman sesawang, dan dunia maya. Media baharu dalam kajian ini meliputi penggunaan alat perakam gerak. Alat perakam gerak ialah proses merakam pergerakan objek atau manusia. Teknologi ini mula-mula digunakan dalam bidang sains untuk analisis gaya berjalan tetapi kini digunakan secara meluas oleh studio kesan khas, ahli terapi sukan, ahli sains saraf, dan untuk pengesanan dan kawalan penglihatan komputer dan robotik. Alat perakam gerak dalam kajian ini merakam pergerakan tarian Menghadap Rebab dan pemetaan yang dijana melalui rakaman ini akan dianalisis dan dikaji untuk melihat simbol dan makna.

iv. Simbolisme

Simbolisme menurut S.K. Langer (1979), merupakan perkara yang kita wujudkan dalam pemikiran atau sebagai idea tetapi tidak mempunyai kewujudan fizikal. Beliau menyarankan fungsi simbol adalah lebih bermakna daripada penggunaan bahasa. Jadi, simbol yang terhasil daripada pergerakan tarian Menghadap Rebab mempunyai makna yang cuba diluahkan oleh penari atau pencipta. Nelson Goodman (1984), menyatakan bahawa simbolisme ialah satu rujukan (reference) dan ia menunjukkan hubungan antara simbol dengan perkara yang dimaksudkan. Fungsi ekspresif simbol seni membayangkan perkara metafora dalam perasaan, atau apa pun yang dirujuk.

v. Kosmologi Islam

Menurut Abdullah Muhammad (2008), kemisterian simbol-simbol dalam sejarah dan tradisi budaya kita tidak boleh ditafsirkan dengan menggunakan alam fizikal yang kita namakan *universe*, kerana simbol-simbol

ini amat rapat dengan ilmu ketuhanan dan alam ghaib. Dalam perkembangan sejarah kesenian dari zaman dahulu sampai sekarang, 'kepercayaan' atau 'agama' merupakan sumber inspirasi yang amat besar dan pembangkit daya cipta yang luar biasa untuk mewujudkan sesuatu yang berbentuk kesenian (C. Israr, 2008).

1.12 Rumusan Bab

Kajian ini berkenaan penggunaan teknologi media baharu dalam membantu untuk melihat secara visual pergerakan tarian Menghadap Rebab secara lebih mendalam. Penggunaan aplikasi alat perakam gerak dalam pemetaan simbol di sebalik gerak tari Menghadap Rebab ini masih belum pernah dilaksanakan. Dengan menggabungkan kedua-dua unsur teknologi dan warisan, ia dapat membina satu visual yang baharu dalam memahami simbol dan makna dalam pergerakan tarian Menghadap Rebab. Penggunaan teknologi *motion capture* yang menjadi alat atau peranti yang mengesan tindak balas tubuh manusia dan akan dihantar ke perisian komputer untuk dirakam dan dianalisis. Kajian ini dapat membantu para penyelidik dan pelajar terutama golongan generasi digital untuk mengenali persembahan tradisi dengan menggunakan peranti teknologi kini. Penyampaian teknik ini memberikan satu impak yang positif kepada masyarakat kerana teknologi *motion capture* dapat berinteraksi secara langsung dengan memberikan peluang kepada penyelidik untuk melihat pergerakan tarian melalui elemen media baharu. Dengan menggunakan kaedah ini, ia dapat memberikan nafas baharu dalam memelihara warisan tempatan.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini akan meninjau literatur dan penyelidikan yang berkaitan dengan pemetaan tarian Menghadap Rebab. Bab ini akan cuba mengupas ulasan maklumat yang akan menyokong dan menjurus pada asas kajian yang dijalankan. Tinjauan literatur akan merangkumi teori dan konsep yang relevan serta informasi maklumat dalam bab yang diperoleh daripada buku, jurnal, artikel, dokumen dan penyelidikan-penyelidikan terdahulu. Bahagian yang akan dibincangkan ialah merangkumi pemeliharaan warisan, gerak tari Melayu, teori seni, simbolisme dan kosmologi Islam, serta teknologi media baharu

2.2 Pemeliharaan Warisan

Warisan budaya telah didefinisikan sebagai ungkapan cara hidup yang dikembangkan oleh masyarakat dan diturunkan dari generasi ke generasi, termasuk adat resam, amalan, tempat, objek, ekspresi dan nilai seni (ICOMOS 2002). Warisan budaya terbahagi kepada dua kategori, iaitu Warisan budaya yang ketara dan tidak ketara. Warisan budaya ketara merujuk artifak fizikal masyarakat termasuk warisan binaan, ciptaan seni dan produk fizikal lain yang disemai dengan unsur budaya masyarakat. Sebaliknya, warisan budaya yang tidak ketara merujuk amalan, ekspresi, pengetahuan, perwakilan dan kemahiran bukan fizikal yang diakui sebagai komponen penting warisan budaya (Ahmad, 2006) dan yang terus dikembangkan oleh masyarakat (Lenzerini, 2011).